

20/01/1998

Pelabur Eropah tambah modal (HL)

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin - Pelabur Kesatuan Eropah (EU), yang yakin dengan kekukuhan asas ekonomi dan sistem perbankan Malaysia, akan kembali menambah modal selain membuat pelaburan baru di negara ini.

EU juga tidak bersetuju Malaysia dilabelkan sama seperti negara lain di rantau ini yang turut mengalami kegawatan ekonomi kerana Malaysia mempunyai kekuatan tersendiri.

Perkara itu diberitahu oleh rombongan 11 ahli Parlimen Eropah diketuai Dr Gunter Rinsche kepada Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifuddin Omar, dalam pertemuan lebih sejam di Parlimen, hari ini.

Rombongan itu adalah kumpulan yang pakar mengenai ekonomi dan politik serta biasa mengadakan dialog dwitahunan antara EU dengan Asean. Mereka turut diberitahu beberapa strategi dan pendirian kerajaan dalam menangani kegawatan itu.

Anggota lain rombongan itu ialah Patricia McKenna (Ireland), Winifred Ewing, Lyndon Harrison dan Arlene McCarthy (United Kingdom), James Janssen Van Raay (Belanda), Christa Randzio Plath (Jerman), Paul Robig (Austria), Yves Ouitin (Ketua Pentadbir), Raymond Herdies (Pembantu Pentadbiran) dan Patrick Costello (Parti Sosialis Eropah).

Mereka berada di ibu negara sehingga Rabu ini untuk meninjau peluang baru untuk diceburi oleh syarikat-syarikat dari EU termasuk dalam bidang kewangan. Terdahulu, rombongan itu bertemu Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Mohd Zahir Ismail di pejabatnya.

Dr Affifuddin berkata, mereka menyatakan EU akan melakukan sesuatu bagi menolong Asean khususnya Malaysia dalam mengembalikan keyakinan dalam pasaran serta memperbetulkan banyak tanggapan yang salah, apabila pulang nanti.

"Mengenai kekuatan ekonomi Malaysia misalnya, mereka berkata Malaysia tidak semestinya dilonggok bersama negara lain. Malaysia mempunyai kekuatannya sendiri," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Menurutnya, syarikat-syarikat EU adalah pelabur terbesar di Malaysia dan mereka tetap positif dan optimis dengan negara ini serta akan meneruskan pelaburan khususnya dalam keadaan sekarang.

"Mereka berpendapat, inilah peluang bagi syarikat seperti Heineken, Shell dan Philips menambah pelaburan, manakala syarikat baru pula mengambil peluang kos harga ekuiti yang rendah sekarang.

"Mereka juga berminat dalam bidang kewangan dan kita pun sudah meliberalisasikan beberapa aspek kewangan mengikut Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia. Mereka akan mengambil peluang yang kita beri untuk masa akan datang," katanya.

Dr Affifuddin menyarankan pelabur tempatan turut aktif dalam pasaran kerana pelabur asing mulai masuk mengambil peluang yang ada.

"Oleh itu, kita harap pelabur dalam negeri mengambil peluang sekarang sebab orang luar banyak masuk. Minggu sudah orang Amerika datang. Jadi orang Malaysia sendiri kena beli," katanya.

Beliau turut mengulangi cadangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya diadakan peraturan dalam perdagangan mata wang dan dana lindung nilai dijadikan secara telus.

"Saya terkejut apabila mendapat sokongan yang kuat daripada ahli Parlimen Eropah ini. Mereka menyokong saranan Dr Mahathir tetapi membangkitkan masalah cara pelaksanaan," katanya.

(END)

